

## **Keperluan Saksi Dalam Permohonan Pengesahan Kes Hibah Di Mahkamah Syariah**

*The Necessity of Witness in Hibah Application in Sharia Court*

AMIRUL ADLI, Universiti Kebangsaan Malaysia  
NOOR LIZZA MOHAMED SAID, Universiti Kebangsaan Malaysia

### **ABSTRAK**

*Kewujudan elemen saksi untuk membuktikan hibah benar-benar berlaku ataupun hibah sebenarnya tidak berlaku mempengaruhi keputusan yang bakal dibuat oleh Hakim Mahkamah Syariah. Asalnya hibah tetap sah dan perpindahan pemilikan hendaklah dilakukan meskipun hibah tidak disaksikan oleh saksi yang hadir ketika akad berlangsung. Namun, dalam sesetengah kes Mahkamah Syariah mempertikai permohonan pengesahan hibah sekiranya tidak disokong oleh mana-mana saksi yang kukuh. Justeru, timbul persoalan tentang sejauh manakah elemen saksi diperlukan dan adakah saksi menjadi keperluan semasa untuk meletakkan syarat saksi dalam akad hibah. Di samping itu, apakah konsep kesaksian yang ditetapkan syarak bagi melayakkan seseorang menjadi saksi. Data kajian diperoleh daripada fakta-fakta kes di Mahkamah Syariah dan perbandingan mazhab berkenaan konsep kesaksian. Hasil kajian mendapati kesaksian menurut syarak memerlukan kriteria-kriteria yang tertentu bagi membolehkan seseorang menjadi saksi. Melihat kepada keputusan Hakim Syarie yang menolak permohonan pengesahan hibah apabila tidak disokong oleh saksi yang kukuh dapat membuktikan bahawa elemen saksi merupakan elemen yang penting semasa akad hibah berlangsung. Oleh yang demikian, saksi dalam konteks pelaksanaan hibah diperlukan sebagai langkah berjaga-jaga apatah lagi jika berlakunya sebarang pertikaian.*

*Kata kunci: saksi, hibah, Mahkamah Syariah, pengesahan hibah, Hakim Syarie.*

### **ABSTRACT**

*The element of witnesses' existence in proving that hibah is materialized or not, affects the decision that will be made by the Sharia Court judges. Originally, hibah is valid and the displacement of ownership must be done with or without the existence of the hibah's witnesses to witness the displacement during the contract. However, in certain cases, the Sharia Court disputed the application of hibah validation made without being supported by any reliable witness. Hence, questions arise whether the witness element is needed, and does it become a current requirement while setting the conditions of witnesses in the akad of hibah. In addition, what is the concept of testimonies addressed by the Islamic Law to qualify one to become a witness? The research data is derived from the facts of cases in the Sharia Court and comparative view of Islamic law schools on the concept of testimonies. The research outcomes reveal that testimonies according to Islamic law require certain criteria to enable a person to become a witness. Analysis of the Syarie judges' decisions to disqualify the hibah validation application made without being supported by a reliable witness proves that witness is an important element in hibah. Therefore, witness in the context of hibah implementation is required as a precaution to any future disputes.*

*Keywords: witness, hibah, Sharia court, validation of hibah, Sharia Judges.*

### **PENDAHULUAN**

Perkembangan produk hibah sebagai mekanisme perancangan dan pengurusan harta orang Islam semakin bertambah maju apabila industri tersebut telah menawarkan pelbagai produk yang berkonsepkan akad hibah. Hal ini kerana hibah dilihat sebagai salah satu jalan keluar kepada permasalahan yang melibatkan isu-isu harta pusaka yang tidak dapat diselesaikan saban tahun serta ianya

sangat signifikan untuk diamalkan bersesuaian dengan keadaan dan adat masyarakat Islam setempat (Muhammad Fadzil 'Atif 2016). Perkara ini juga dapat dibuktikan apabila permohonan pengesahan hibah di Mahkamah Syariah semakin meningkat sebagaimana menurut Adilah dan Mohd Zamro (2018) sebanyak 22 kes hibah telah dipohon sepanjang tahun 2010 sehingga 2014 di Selangor. Angka ini secara tidak langsung menunjukkan

bahawa hibah semakin mendapat tempat dalam kalangan masyarakat Islam setempat serta tahap kesedaran umat Islam terhadap perancangan awal harta semakin bertambah baik (Noor Lizza, Mohd Ridzuan & Amir Husin 2012).

Hibah merupakan akad *tabarru'* yang dilakukan secara sukarela semasa hayat seseorang tanpa mengharapkan apa-apa balasan (al-Shatiri 2014). Secara asalnya hibah terlaksana dengan memenuhi segala rukun dan syarat yang terdiri daripada pemberi hibah (*al-wāhib*), penerima hibah (*al-mawhūb lah*), harta yang dihibahkan (*al-mawhūb*), sigrah *ijāb* dan *qabūl* serta *al-qabd* antara pemberi dan penerima hibah. Tidak terdapat mana-mana fuqaha mazhab yang meletakkan syarat bahawa akad hibah hendaklah disaksikan oleh beberapa orang saksi bagi membenarkan proses pemindahan milik berlaku (al-Nawawi 2013; Ibn 'Abidin 1992; al-Bahuti t.th.; Ibn Rushd 2004). Sebagaimana kebanyakan akad muamalah yang lain, hibah tidak memerlukan saksi sebagai syarat tambahan untuk membolehkan harta tersebut berpindah milik. Saksi hanya diperlukan apabila timbul pertikaian di antara pihak yang berakad. Sebaliknya Mahkamah Syariah dalam sesetengah kes menolak permohonan pengesahan hibah sekiranya dakwaan tersebut timbul tanpa mendatangkan saksi sebagai bukti. Oleh yang demikian timbul persoalan sejauh manakah elemen saksi diperlukan dan adakah ia menjadi keperluan semasa untuk meletakkan syarat saksi ketika hibah berlangsung.

Keperluan saksi dalam akad hibah sama ada hibah yang dibuat menerusi agensi-agensi penyedia dokumen ataupun secara lisan sahaja juga dapat dibuktikan apabila merujuk kepada kes-kes pengesahan hibah yang telah diputuskan oleh Mahkamah Syariah. Ketiadaan saksi sebagai bukti bahawa hibah telah berlaku menyebabkan pihak hakim menolak permohonan pengesahan hibah yang akan mengugurkan hak-hak pihak berkepentingan. Sebagaimana yang disebutkan oleh Mukhtar Abdullah (2016) dalam sesetengah situasi apabila seseorang memberi hibah tanpa disaksikan oleh beberapa orang saksi, perkara ini bakal menyulitkan proses pembuktian terutama apabila pemberi hibah meninggal dunia. Mahkamah Syariah terutamanya akan meminta plaintif untuk memberi keterangan dan pembuktian bagi mengesahkan perkara tersebut. Menurut Alias Azhar (2017) pertikaian hibah berlaku di Mahkamah Syariah adalah disebabkan berlakunya kematian salah seorang daripada pemberi atau penerima hibah. Waris si mati menuntut pengesahan hibah dan defendan menafikan kewujudan hibah. Dalam situasi ini, persoalan yang timbul adalah sama ada hibah benar-benar berlaku serta disaksikan oleh yang mendengar hibah tersebut. Di samping itu, kehadiran saksi semasa akad hibah berlangsung boleh meringkaskan masa perbicaraan di mahkamah dan memudahkan bagi pihak defendan mengakui tuntutan pemohon tersebut (Alias Azhar 2017). Oleh yang demikian perkara ini dapat mengelakkan

pertikaian di antara pihak berakad daripada menjadi panjang dan rumit. Perkara ini juga turut disokong oleh Muham-mad Fadzil 'Athif (2016) menyatakan dokumentasi hibah tidak lengkap jika hanya dibuat melalui surat ikatan hibah. Kehadiran saksi ketika hibah dibuat perlu bagi membuktikan pemberian hibah dan proses penyerahan pemilikan telah berlaku. Kemajuan teknologi juga perlu dimanfaatkan oleh pihak industri seperti merakam video semasa akad berlangsung di samping disaksikan oleh dua orang saksi (Muhammad Fadzil 'Athif 2016). Dalam menyediakan garis panduan penyediaan dokumen hibah, Adilah dan Mohd Zamro (2018) juga menggariskan supaya akad hibah yang dibuat hendaklah disaksikan oleh sekurang-kurangnya dua orang saksi lelaki yang hadir ketika akad hibah sedang berlangsung.

Justeru, artikel ini mengkaji sejauh manakah keperluan saksi dalam penyediaan dokumen hibah serta keperluannya dalam konteks semasa dengan menganalisis keputusan Hakim Syarie berkaitan kewujudan elemen saksi yang menjadi faktor sama ada permohonan pengesahan hibah ditolak ataupun diterima. Konsep kesaksian menurut Islam dihurai secara ringkas supaya saksi-saksi yang dikemukakan menepati kriteria yang ditetapkan oleh syarah di samping mematuhi apa yang telah diperuntukkan dalam akta dan enakmen-enakmen keterangan negeri-negeri di Malaysia.

## KESAKSIAN MENURUT SYARAK

Kesaksian menurut bahasa Arab berasal daripada perkataan *shahāda* yang mengandungi beberapa maksud tertentu (al-Wizārah al-Awqaf 2004) sama ada ia bermaksud perkhabaran yang pasti, kehadiran dan pemberitahuan, sumpah, ikrar, kalimah tauhid dan kematian di jalan Allah SWT. Menurut al-Sharbini (2009), kesaksian berasal daripada perkataan *shuhūd* yang bermaksud *al-huḍūr* iaitu kehadiran. Seseorang itu telah dikatakan menyaksikan anak bulan apabila dia turut hadir ketika peristiwa tersebut sedang berlaku (al-Qurtubi 1999). Dalam sesetengah keadaan, *shahāda* bermaksud *al-mua'yanah* sebagaimana dalam firman Allah SWT:

وَجَعَلُوا الْمَلَائِكَةَ الَّذِينَ هُمْ عِبْدُ الرَّحْمَنِ إِنْتِماً أَشْهَدُوا خَلْقَهُمْ  
سُكَّتَبْ شَهَدْتُهُمْ وَيُسْأَلُونَ ﴿١٩﴾

Maksudnya: Dan mereka pula menyifatkan malaikat yang juga menjadi hamba-hamba Allah Yang Maha Pemurah itu jenis perempuan. Adakah mereka menyaksikan kejadian malaikat itu? Akan dituliskan kata-kata mereka (yang dusta itu) dan mereka akan ditanya kelak (serta akan menerima balasannya).

al-Raghib al-Iṣfahāni (1992) menjelaskan bahawa maksud penggunaan *shahādah* dalam ayat ini adalah adakah mereka benar-benar menyaksikan dengan *‘ayn al-basīrah* kejadian malaikat sehingga mendakwa malaikat itu sebenarnya perempuan. Melihat kepada penggunaan terma-terma *shahādah*

yang pelbagai menunjukkan istilah tersebut mempunyai maksud yang berbeza untuk digunakan mengikut kesesuaian situasi.

*Shahādah* menurut istilah fiqh digunakan dalam beberapa bab yang tertentu seperti ikrar, tuduhan zina dan kesaksian (al-Wizārah al-Awqaf 2004). Artikel ini hanya memfokuskan penggunaan istilah tersebut dalam topik perbincangan kesaksian. Kesaksian bermaksud perkhabaran dengan kebenaran tentang sesuatu kejadian menggunakan lafaz *shahādah* di hadapan majlis perbicaraan atau qadi daripada seseorang terhadap orang lain (al-Jurjāni 2012). Para fuqaha mempunyai pelbagai takrifan dalam mendefinisikan istilah tersebut. Ibn Hamam (2003) mentakrifkan *shahādah* sebagai suatu perkhabaran tentang kebenaran untuk mensabitkan seseorang hak dengan lafaz *shahādah* dalam majlis qada'. Begitu juga menurut golongan Syafi'iyah kesaksian bermaksud perkhabaran oleh seseorang tentang kebenaran yang dilakukan untuk seseorang yang lain dengan menggunakan lafaz *ashhad* (al-Shāṭiri 2014). Adapun golongan Hanafiyyah mendefinisikan *shahādah* sebagai perkhabaran tentang sesuatu yang diketahuinya dengan lafaz *ashhad* ataupun *shahadtu* (al-Wizārah al-Awqaf 2004). Meskipun para fuqaha mazhab mempunyai pelbagai takrifan dalam mendefinisikan maksud *shahādah* namun ianya bukanlah suatu perbezaan yang ketara. Hal ini dapat dilihat apabila mereka bersepakat mengatakan bahawa *shahādah* merupakan suatu perkhabaran yang dipercayai sumbernya untuk membutikan atau mensabitkan seseorang hak dengan menggunakan lafaz yang tertentu iaitu *shahādah*. Hal ini juga membezakan konsep kesaksian dengan konsep ikrar dan dakwaan. Ini kerana kedua-dua konsep tersebut dibuat ke atas orang lain untuk hak yang terdiri ke atas pembuat dakwaan.

Kewujudan saksi merupakan elemen yang sangat penting dalam mensabitkan seseorang hak kerana *shahādah* merupakan salah satu bentuk *al-bayyinah* yang diterima oleh syarak. Sebagaimana menurut Ruzman Md. Noor (2008) konsep *shahādah*, *iqrar*, *al-yamin* dan *al-qarinah* merupakan bentuk-bentuk keterangan yang diguna pakai bagi membuktikan kebenaran sesuatu perkara. Namun begitu, individu yang dipilih untuk menjadi saksi hendaklah memenuhi *dawābiṭ* yang ditetapkan oleh syarak agar kesaksian yang dibuat tidak dapat disangkal dan dapat diterima sebagai bukti.

#### SYARAT KELAYAKAN UNTUK MENJADI SAKSI

Secara umumnya saksi boleh dibuat oleh mana-mana individu yang memenuhi syarat kelayakan menjadi saksi sebagaimana yang telah digariskan oleh para fuqaha. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Seorang yang berakal dan baligh. Kesaksian yang dibuat oleh seorang kanak-kanak tidak diterima oleh jumah fuqaha melainkan

sebahagian pendapat golongan Malikiyyah yang mengharuskan saksi dari kalangan kanak-kanak dengan syarat kesaksian tersebut dibuat hanya melibatkan kes di antara mereka sahaja (Ibn Farihūn 1986). Menurut Ibn Qudāmah (1996) ijma' ulama telah menegaskan kesaksian yang dilakukan oleh seorang yang tidak berakal tidak diterima pakai dalam apa jua keadaan sekalipun. Hal ini kerana mereka tidak mampu untuk memahami apa yang mereka bicarakan apatah lagi mensifatkan sesebuah pembuktian (al-Wizārah al-Awqaf 2004).

2. Seorang yang beragama Islam. Saksi yang terdiri daripada golongan non-muslim tidak diterima sama ada kesaksian tersebut dibuat ke atas orang Islam ataupun dalam kalangan mereka sendiri (al-Sharbīnī 2009). Namun, Imam Abu Hanifah berbeza pandangan dalam hal ini di mana beliau menerima kesaksian kafir ke atas kafir sebagaimana Imam Ahmad menerima kesaksian kafir ke atas muslim dalam permasalahan wasiat (Ibn al-Qudāmah 1996).
3. Seorang yang adil. Tiada perselisihan dalam kalangan fuqaha dalam meletakkan adil sebagai syarat untuk menjadi saksi (al-Wizārah al-Awqaf 2004). Adil bermaksud seorang yang menjaga hal-hal agamanya dengan menjauhi dosa-dosa besar, menjaga daripada melakukan dosa kecil, menunaikan amanah, muamalah yang baik serta keadaannya yang lebih banyak berbuat kebaikan berbanding kejahatan (al-Wizārah al-Awqaf 2004). Oleh yang demikian para fuqaha bersepakat menolak kesaksian yang dibuat oleh seorang yang fasiq (al-Zuhaylī 2008).
4. Seorang yang boleh melihat dan bertutur. Dalam erti kata lain, saksi bukanlah seorang yang buta ataupun bisu. Seorang yang buta tidak mampu untuk membezakan orang yang dinaik saksikan olehnya serta dia juga tidak mampu membezakan pengisytaran ketika penyaksian dibuat melainkan dengan mengecam suara yang bersifat *shubḥah* (al-Zuhaylī 2008). Begitu juga dengan seorang yang bisu, kesaksiannya ditolak meskipun isyarat yang diberikan mampu difahami (al-Nawāwī 2012). Ini kerana *shahādah* menuntut sesuatu yang diyakini untuk diterima sebagai pembuktian (al-Zuhaylī 2008). Dalam hal ini, kedua-dua keadaan tersebut merupakan keadaan yang tidak diyakini secara pasti.
5. Tidak mempunyai unsur-unsur tomahan. Tomahan menurut fuqaha boleh wujud dalam beberapa bentuk sama ada disebabkan wujudnya kepentingan mahupun menolak kemudaratan (al-Wizārah al-Awqaf 2004). Kedua-dua unsur ini boleh menafikan kelayakan seseorang untuk menjadi saksi.

Oleh kerana itu, saksi oleh seorang waris kepada pewaris, orang-orang yang saling bermusuhan, ayah kepada anak, cucu dan ke bawah atau sebaliknya serta kesaksian seorang suami terhadap isterinya adalah tidak diterima. Namun, fuqaha Syafi'iyah berpendapat harus bagi seorang suami untuk menjadi saksi bagi pihak isterinya ataupun sebaliknya (al-Ramly 1976).

Para fuqaha meletakkan syarat-syarat yang ketat untuk menjadi saksi demi menjaga kepentingan kedua-dua belah pihak yang bertikai. Ia juga bertujuan untuk mengelak sebarang ketidakadilan yang mungkin akan berlaku sekiranya disaksikan oleh mana-mana individu yang dirasakan sesuai tanpa mengambil kira syarat-syarat di atas. Justeru, pihak industri perlulah mengikuti garis panduan yang ditetapkan syarak dalam menentukan saksi ketika dokumen hibah dibuat agar tiada isu-isu yang boleh menggugat kesahan hibah apabila melibatkan penghakiman di Mahkamah Syariah. Dengan adanya akta dan enakmen keterangan di seluruh negeri di Malaysia seperti Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 Seksyen 83(1) yang menyebut:

Tertakluk kepada seksyen ini semua orang Islam adalah kompeten untuk memberikan *syahadah* atau *al-bayyinah* sebagai saksi dengan syarat bahawa mereka adalah aqil, baligh, adil, mempunyai ingatan yang baik dan tidak berprasangka.

Ia sepatutnya menjadi panduan bagi pihak penyedia dokumen serta orang awam untuk mengambil saksi yang benar-benar menepati syarak di samping dapat memenuhi kehendak pihak Mahkamah Syariah dalam menerima kesaksian bagi sesebuah kes.

#### KEPELUAN SAKSI DALAM PENGESAHAN HIBAH DI MAHKAMAH SYARIAH

Meskipun saksi bukanlah elemen utama dalam akad hibah, bahkan tidak termasuk dalam mana-mana rukun atau syarat, namun kewujudan saksi merupakan satu keperluan yang mencapai tahap *hajīyyat* terutama apabila melibatkan pertikaian antara pembuat akad. Sebagaimana yang dijelaskan oleh al-Zuhayli (2004) *hajīyyat* merupakan perkara-perkara tambahan yang memudahkan urusan kehidupan manusia. Sekiranya perkara *hajīyyat* tidak dijaga ia akan menyebabkan kesusahan dan kepayahan dalam mencapai maksud sesuatu perkara (al-Zuhayli 2004). Ketiadaan saksi semasa akad hibah berlangsung bakal menimbulkan kepayahan dalam mensabit atau mengugurkan hak antara pihak yang berkepentingan. Para Hakim Syarie tidak dapat memutuskan sesebuah kes dengan hanya dakwaan semata-mata. Pembuktian melalui apa-apa dokumen ataupun saksi akan menguatkan fakta sesebuah kes di samping memudahkan urusan penghakiman dibuat. Justeru, bagi mengelakkan timbulnya perkara yang boleh menafikan hak-hak pihak berkepentingan

kehadiran saksi amatlah perlu semasa akad hibah dibuat. Saksi-saksi yang dikemukakan juga perlulah memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh syarak selari dengan apa yang telah diperuntukkan dalam undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah.

Hal ini dapat dibuktikan menerusi beberapa kes yang telah diputuskan di Mahkamah Syariah seperti kes *Saharin bin Nordin v Noraidah binti Nordin* (10000-044-0006-2007) [2008] JH 26(1). Fakta kes ini adalah kedua-dua perayu dan responden merupakan anak kandung kepada si mati Allahyarham Hj. Sapiah @ Safiah binti Ahmad. Responden dalam keterangan mendakwa bahawa ibu mereka telah menghibahkan secara lisan sekeping tanah berserta rumah teres setingkat nombor HS(D) 2865 PT 6501, Mukim Dengkil Sepang, Selangor (semua bahagian) kepada beliau. Responden mendakwa bahawa hibah tersebut telah berlaku pada April atau Mei 2001 pada tahun yang sama sebelum arwah ibu mereka meninggal dunia. Perayu walau bagaimanapun meragui pemberian hibah yang telah dibuat oleh ibu kandung mereka dan telah membuat rayuan terhadap keseluruhan keputusan Hakim Bicara ke Mahkamah Rayuan Syariah. Hakim Mahkamah Rayuan Syariah dalam memutuskan rayuan tersebut telah meneliti kesemua rukun dan syarat hibah yang telah didakwa dan mendapati kesemua elemen tersebut telah dipenuhi melainkan lafaz ijab dan qabul. Lafaz ijab dan qabul antara ibu dan responden dalam kes ini telah tidak dinyatakan secara jelas. Responden walau bagaimanapun telah mendatangkan dua orang saksi yang merupakan adik beradik kandung Responden/Pemohon dalam kes ini. Menurut YA Hakim kesaksian yang dibuat oleh saksi-saksi dalam kes ini adalah tidak jelas yang hanya menyatakan dalam keterangannya bahawa arwah telah memberikan "aset tersebut" kepada Responden/Pemohon sahaja.

Berdasarkan penghujahan yang dibuat, Hakim Syarie mendapati ijab dan qabul dalam kes ini telah tidak dapat dibuktikan langsung dan seolah-olah perkara tersebut tidak wujud. YA Hakim juga menolak kesaksian yang dibuat oleh adik beradik kepada Responden/Pemohon dalam kes ini kerana saksi-saksi tersebut merupakan pihak yang berkepentingan. Dengan merujuk kepada Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003 seksyen 83(6) Mahkamah Rayuan membatalkan keputusan YA Hakim Bicara yang mengesahkan hibah dibuat dan memerintahkan perbicaraan semula kes ini.

Dalam kes ini Mahkamah mempertikaikan kedudukan saksi yang dikemukakan oleh Perayu kerana kedudukan mereka yang mempunyai kepentingan di antara salah satu pihak yang bertikai. Penulis bersetuju dengan keputusan YA Hakim dalam kes ini kerana hubungan adik-beradik di antara saksi dan pihak yang bertikai merupakan salah satu unsur tomanan yang boleh menegah seseorang daripada menjadi saksi. Kedudukan saksi sangat berpengaruh dalam kes ini apabila Mahkamah

Rayuan membatalkan pengesahan hibah yang telah dibuat oleh Hakim Bicara.

Begitu juga dalam kes *Mohd Mokhtar Hj Abdullah v Fadhilah Hj Abdullah & Yang Lain* (03000-044-0001-2005) [2006] 1 CLJ (SYA) 212. Fakta bagi kes ini adalah Wan Yah binti Che Kar merupakan ibu kepada perayu dan responden-responden telah menghibahkan suatu hartanah kepada anak-anaknya kecuali perayu semasa hayatnya. Mahkamah Tinggi Kelantan telah memutuskan bahawa hibah tersebut adalah sah dengan memenuhi segala rukun dan syarat hibah termasuklah telah berlaku *al-qabd* oleh kesemua penerima dengan berlakunya perpindahan pemilikan.

Namun begitu, perayu iaitu Mohd Mokhtar Hj Abdullah tidak bersetuju dengan keputusan Mahkamah Tinggi dan membawa kes ini ke Mahkamah Rayuan. Perayu mendakwa bahawa si mati ketika hidupnya telah menarik balik hibah tersebut serta mengamanahkan supaya hartanah dibahagikan sama rata di antara perayu dan responden-responden. Dakwaan perayu dikemukakan melalui Responden ke-4 Meria @ Maznah bt Hj Abdullah yang telah membuat akuan sumpah di hadapan Pesuruhjaya Sumpah dengan menyatakan satu minggu sebelum arwah meninggal dunia beliau telah menarik balik hibah tersebut dan mengamanahkan supaya harta dibahagikan sama rata di antara kesemua anak-anaknya. Hakim Syarie dalam kes ini meskipun mengiktiraf keharusan penarikan balik hibah yang dibuat dengan merujuk pendapat fuqaha Syafi'iyah, namun menolak dakwaan tersebut kerana tidak dikemukakan bukti yang boleh mengesahkan perkara tersebut. Mahkamah tidak disediakan sama ada bukti bertulis atau saksi yang membenarkan penarikan balik hibah dibuat.

Oleh sebab itu, Mahkamah Rayuan yang bersidang memutuskan bahawa hibah yang dibuat oleh si mati adalah sah serta dakwaan penarikan balik hibah tidak boleh diterima kerana dakwaan tersebut tidak disokong oleh mana-mana saksi. Kesahan hibah yang dibuat dalam kes ini bergantung kepada saksi yang dikemukakan.

Sekiranya Mahkamah Rayuan diberikan saksi untuk menyokong dakwaan penarikan hibah tersebut, penulis beranggapan Mahkamah akan menerima dakwaan tersebut serta membatalkan hibah yang telah dibuat oleh arwah dalam kes ini. Justeru, kewujudan saksi ketika akad hibah bukanlah suatu perkara yang boleh dipandang remeh lebih-lebih lagi bagi pihak penyedia dokumen hibah.

Keperluan saksi dalam akad hibah juga dapat dilihat menerusi kes *Ibrahim Harun v Mat Yusoff Mat Kassim* (03000-044-0005-2015) yang dibicarakan di Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Kelantan. Perayu dalam kes ini iaitu Ibrahim Harun telah tidak berpuas hati dengan keputusan Mahkamah Tinggi Syariah Kelantan seterusnya membuat rayuan untuk mengesahkan hibah hartanah yang telah dibuat oleh Mek Som binti Ibrahim

kepadanya. Fakta dalam kes ini bahawa tanah tersebut telah dipusakai oleh tiga orang iaitu Harun bin Kassim, Ismail bin Kassim dan Mat Yusoff bin Kassim. Mahkamah yang bersidang tidak berpuas hati terhadap hujah dan keterangan yang diberikan oleh perayu dengan mendatangkan hanya seorang saksi sahaja. Keterangan yang diberikan oleh saksi iaitu Yusof bin Yaakob bahawa beliau telah mendengar si mati Mek Som binti Ibrahim mengatakan:

“Him (perayu), aku hendak beri kepadamu Him tanah pesaka”, kemudian Mek Som kata “mu buat kedai atas tanah ini”.

Dalam alasan penghujahan, mahkamah menegaskan kesaksian yang dilakukan oleh saksi Perayu tidak jelas serta tidak mencukupi untuk menyokong dakwaan Perayu. Mahkamah dalam kes ini tidak mempersoalkan rukun dan syarat hibah mahupun syarat kelayakan saksi namun, bilangan saksi yang hanya seorang sahaja tidak mampu dijadikan hujah yang kukuh untuk mengesahkan dakwaan hibah telah dibuat. Justeru, Mahkamah Rayuan menolak rayuan Perayu serta mengekalkan keputusan Mahkamah Tinggi Syariah Kota Bharu bahawa hibah oleh si mati Mek Som binti Taib tidak berlaku kepada Perayu.

Saksi merupakan perkara utama yang diperbesarkan oleh Mahkamah Rayuan dalam kes ini tanpa mempersoalkan isu hibah sama ada memenuhi rukun atau syarat hibah. Hal ini membuktikan kewujudan saksi bukan hanya suatu keperluan dalam penyediaan dokumen hibah bahkan kedudukan saksi bakal menentukan status akad hibah sama ada disahkan atau dibatalkan oleh pihak yang berautoriti iaitu Mahkamah Syariah.

Hakim Mahkamah Syariah juga menolak permohonan pengesahan hibah apabila tiada saksi yang kukuh untuk menyokong dakwaan hibah sebagaimana kes *Che Alias Muda v Abdul Mutalib Muda* [2008] 1 CLJ (SYA) 136. Fakta mengenai kes ini adalah Responden Abdul Mutalib Muda merupakan anak tiri kepada arwah Wok binti Yusof @ Che Wook binti Yusof yang juga merupakan ibu kandung kepada Perayu. Responden telah membuat permohonan pengesahan hibah yang didakwa dibuat oleh arwah ibu tirinya kepada beliau terhadap tanah yang memakai hakmilik GM 58 Lot 1662 Mukim Batu Buruk, Kuala Terengganu (1/2 bahagian) berserta rumah di atasnya. Hakim Bicara telah mensabitkan hibah tersebut dengan keterangan-keterangan yang telah diberikan di hadapannya.

Perayu dalam kes ini tidak bersetuju dengan keputusan Hakim Bicara dan membawa kes ini ke Mahkamah Rayuan Syariah Terengganu. Responden mendakwa bahawa tanah tersebut telah dihibahkan kepadanya pada 30 tahun yang lepas dengan mengemukakan beberapa orang saksi. Namun begitu, Mahkamah Rayuan mendapati keterangan-keterangan yang diberikan oleh saksi tidak menyokong dakwaan responden malah saksi-saksi yang dikemukakan tidak hadir ketika lafaz ijab

dibuat oleh si mati kira-kira 30 tahun dahulu. Mahkamah juga tidak dikemukakan saksi selain daripada yang dikemukakan oleh responden untuk menyokong dakwaan hibah yang dibuat kepada Responden. Disebabkan itu, Mahkamah Rayuan membenarkan rayuan perayu dan membatalkan keputusan Hakim Bicara yang mengesahkan hibah kepada Responden.

Dalam kes ini, Mahkamah Rayuan tidak menyentuh isu kesahan hibah yang dibuat dalam alasan penghujahan hakim. Sebaliknya mahkamah mempertikaikan adakah hibah yang dibuat 30 tahun yang lepas benar-benar berlaku dengan mengemukakan saksi ataupun dokumen yang berkaitan.

Berbeza dalam kes *Zanani binti Mohd Noor v Awang bin Merah & Satu Yang Lain* (03000-044-0002-2008) [2008] 26(2) JH 241, hakim menerima permohonan perayu apabila dikemukakan dengan dokumen yang kukuh bagi membuktikan hibah dibuat meskipun tiada saksi yang hadir. Dalam kes ini perayu merupakan anak saudara dan juga anak angkat kepada arwah Che Limah binti Awang Mat. Arwah semasa hidup telah mendapat pemilikan tanah hasil dari usahanya terhadap tanah tergendala yang telah diterokai oleh suaminya pada tahun 1957. Perayu telah menfailkan rayuan terhadap keputusan Mahkamah Kadi Khas Tanah Merah, Kelantan yang menolak permohonan pengesahan pemberian hidup (hibah) terhadap tanah Lot PT 3374 dan Lot 1805 Mukim Jeli yang dibuat oleh arwah Che Limah kepadanya. Ketika hibah dibuat oleh arwah, perayu masih belum cukup umur untuk dinamakan sebagai penama di dalam geran tanah. Oleh yang demikian, arwah Che Limah telah membuat surat perlantikan menjadi pemegang amanah di Pejabat Tanah Jajahan Tanah Merah ke atas tanah-tanah tersebut pada tahun 1974.

Walau bagaimanapun, ketika perbicaraan di Mahkamah Kadi Khas Tanah Merah surat pemegang amanah berkenaan tidak dapat dibawa untuk dijadikan bukti atas sebab-sebab teknikal. Namun, selepas surat berkenaan diperolehi dari Pejabat Tanah Jajahan Jeli, mahkamah menerima rayuan perayu dan mensabitkan tanah-tanah yang dituntut sebagai pemberian hibah yang sah mengikut syarak. Walaupun saksi tidak dikemukakan dalam kes ini, mahkamah tidak menolak permohonan perayu tetapi mengesahkan pemberian tersebut apabila dibuktikan dengan adanya surat pemegang amanah. Justeru, pembuktian tidak hanya terikat dengan kewujudan saksi sahaja bahkan hakim akan menilai kewujudan dokumen-dokumen lain yang berkaitan untuk dijadikan bukti yang kukuh.

Begitu juga dalam kes *Ibrahim Hj Abu Bakar v Mohd Seh Mohd Ali & Satu Lagi* [2005] CLJ (SYA) 177. Fakta kes ini adalah si mati Azhari bin Mohd Ali telah meninggal dunia pada tahun 1982. Selepas 7 tahun kematian si mati, satu surat Akuan Berkanun telah diiqrarkan oleh 11 orang saksi menyatakan si mati telah mewasiatkan sebidang tanah (Lot 1885)

kepada perayu yang bertujuan untuk membayar hutangnya kepada perayu berjumlah RM4,000.00. Berikutan surat Akuan Berkanun tersebut perayu memohon Mahkamah Tinggi Syariah Pahang membuat pengesahan hibah atau wasiat ke atas tanah Lot 1885 yang dibuat bagi manfaat dirinya. Mahkamah menolak permohonan perayu dan seterusnya kes ini dibicarakan di Mahkamah Rayuan.

Walau bagaimanapun, Mahkamah Rayuan Syariah menolak rayuan perayu dan mengekalkan keputusan yang telah dibuat oleh Mahkamah Tinggi Syariah di Pahang. Alasan penghakiman dalam kes ini adalah hibah yang dibuat oleh si mati tidak memenuhi rukun hibah iaitu ijab dan qabul. Meskipun keterangan yang diberikan oleh saksi perayu yang mendengar bahawa si mati ingin memberikan Lot 1885 kepadanya, perkara tersebut tidak menguatkan dakwaan kerana hakim mendapati tiada tindakan susulan oleh perayu bagi memindahkan Lot 1885 kepadanya (seperti memeterai pindah milik di pejabat tanah). Kewujudan saksi dalam kes ini dilihat tidak dapat dijadikan bukti yang kukuh. Selain itu, mahkamah juga turut mengambil kira bukti-bukti lain yang wujud bagi membolehkan pengesahan tuntutan dibuat.

Melalui keputusan-keputusan Hakim Mahkamah Syarie, dapat dirumuskan bahawa keperluan saksi semasa akad hibah berlangsung amatlah penting. Ketiadaan saksi sebagai elemen pembuktian sama ada untuk membuktikan hibah telah benar-benar berlaku mahupun menafikan hibah yang dibuat boleh menyebabkan para hakim menolak permohonan serta menggugurkan hak pihak yang berkepentingan hanya kerana tidak dapat membuktikan perkara tersebut. Meskipun saksi tidak diperlukan dalam akad hibah, kewujudan elemen tersebut amat penting sebagai langkah berjaga-jaga untuk menghadapi sebarang kemungkinan yang akan berlaku pada masa hadapan. Saksi diperlukan sebagai bukti bahawa akad hibah telah berlaku. Rentetan daripada itu, adalah lebih baik untuk meletakkan saksi semasa akad hibah dibuat sama ada menerusi borang hibah yang disediakan pihak industri mahupun hibah secara lisan sahaja. Saksi-saksi yang dikemukakan juga perlulah menepati kriteria yang ditetapkan syarak yang mana secara tidak langsung menepati apa yang telah diperuntukkan dalam statut yang telah sedia ada. Para Hakim Syarie juga perlulah melihat kepada kewujudan bahan-bahan pembuktian lain seperti adanya dokumen hibah dan berlakunya *tasarruf* ke atas harta hibah bagi mengesahkan hibah telah benar-benar berlaku.

## KESIMPULAN

Meletakkan saksi dalam akad hibah bukanlah perkara yang dilarang syarak bahkan saksi merupakan salah satu kehendak maqasid syariah dalam soal penjagaan harta supaya hak pemilikan penerima hibah dapat dijaga. Perkara ini merupakan langkah berjaga-jaga sekiranya timbul sebarang pertikaian yang boleh

mengukurkan hak pihak yang berakad. Ketiadaan saksi semasa akad hibah berlangsung tidak membatalkan akad hibah serta perpindahan pemilikan tetap berlaku. Di samping itu, kaedah-kaedah pembuktian selain daripada saksi seperti pengakuan bertulis atau dokumen hibah turut diperlukan terutama apabila kedudukan saksi tidak begitu kukuh untuk dijadikan elemen pembuktian. Melihat kepada keputusan Mahkamah Syariah dapatlah disimpulkan bahawa saksi merupakan elemen yang penting untuk diletakkan dalam setiap penyediaan borang hibah ataupun hibah yang dibuat secara lisan agar hak-hak pihak berakad dapat diserahkan dengan adil. Saksi-saksi yang dikemukakan juga perlulah menepati kehendak syarak seperti tidak mempunyai unsur tomanan di antara pihak bertikai. Kriteria-kriteria saksi yang telah diperuntukkan dalam undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah seharusnya dijadikan garis panduan oleh semua pihak termasuklah pihak industri dan orang awam. Hal-hal seperti ini timbul disebabkan masih tiada statut khusus berkaitan hibah yang digubal sedangkan produk tersebut semakin mendapat tempat dalam kalangan masyarakat. Justeru, penulis mencadangkan agar satu garis panduan rasmi dikeluarkan oleh pihak berautoriti sama ada dalam bentuk statut berkenaan pelaksanaan hibah agar pelaksanaannya lebih selaras dan sistematik.

#### RUJUKAN

- al-Qur'an al-Karim*.  
Adilah Mohd Sa'afie & Mohd Zamro Muda. 2018. Garis panduan dalam penyediaan borang hibah di Mahkamah Tinggi Syariah. *Journal of Contemporary Islamic Law* 3(1): 1-9.  
Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997.  
Alias Azhar. 2017. *Praktis Hibah di Malaysia*. Kedah: Penerbitan UUM Press.  
al-Bahuti, Mansur bin Yunus bin Salahuddin bin Hassan bin Idris. t.th. *Kasshaf al-Qina' 'an Matn al-'Iqna'*. Jil. 3-4. Beirut: Dār Kutub al-'Ilmiyyah.  
Ibn 'Abidin, Muhammad Amin bin 'Umar bin 'Abdul al-'Aziz. 1992. *al-Dur al-Mukhtār wa Hāshiyah Ibn 'Abidin*. Jil 6. Beirut: Dār al-Fikr.  
Ibn Farihūn, Ibrahim bin 'Ali bin Muhammad. 1986. *Tabṣīrah al-Hukkām*. Juz. 2. Kaherah: Maktabah al-Kulliyāt al-Azhariyyah.  
Ibn al-Hamam, Kamal al-Din Muhammad bin Abd. Wahid. 2003. *Sharḥ Faṭḥ al-Qadir 'ala al-Hidāyah*. Jil. 7. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.  
Ibn Qudamah, 'Abd Allah bin Ahmad. 1996. *al-Mughni*. Juz. 10. Beirut: Dār al-Kitāb al-'Arabi.  
Ibn Rushd, Muhammad bin Ahmad. 2004. *Bidayah al-Mujtahid wa Niḥāyah al-Muqtasid*. Jil 4. Kaherah: Dār al-Hadith.  
Jurnal Hukum. 2008. Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. 26(1): 73.  
Jurnal Hukum. 2008. Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. 26(2): 241.  
al-Jurjāni, Ali bin Muhammad. 2012. *Kitāb al-Ta'rifāt*. Beirut: Dār al-Kitāb al-'Arabi.  
Mukhtar Abdullah. 2016. *Aplikasi & Tuntutan Hibah di Mahkamah Syariah di Malaysia*. Terengganu: Skybiz Resources.  
Muhammad Fadzil 'Athif. 2016. Penawaran produk hibah patuh syariah: kajian di Wasiyyah Shoppe Sdn. Bhd. Disertasi Sarjana, Jabatan Syariah Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.  
al-Nawawi, Abu Zakaria Muhyiddin bin Syarf. 2012. *Rawḍah al-Ṭalibīn*. Jil. 6. Dimashq: Dār al-Fayḥā'.  
al-Nawawi, Abu Zakaria Muhyiddin bin Syarf. 2013. *Minḥaj al-Ṭalibīn*. Dimashq: Dār al-Fayḥā'.  
Noor Lizza Mohamed Said, Mohd Ridzuan Awang & Amir Husin Mohd Nor. 2012. Hibah dengan syarat balasan menurut pandangan fuqaha dan kedudukannya dalam undang-undang sivil Jordan. *Jurnal Syariah* 2(3): 309-328.  
al-Qurtubi, Muhammad bin Ahmad. 1999. *al-Jami' li Ahkām al-Qur'an*. Juz. 2. Kaherah: Dār al-Qalām.  
al-Ramly, Shams al-Din bin Abi al-'Abbas Ahmad bin Hamzah bin Shiyab al-Din. 1976. *Niḥāyah al-Muhtāj 'ila Syarḥ al-Minhāj*. Jil. 8. Kaherah: al-Maktabah al-Muṣṭafā al-Halābi.  
al-Raghib al-Isfahānī, Abu al-Qasim al-Hussein bin Muhammad. 1992. *al-Mufradāt fī Gharīb al-Qur'an al-Karīm*. Dimashq: Dar al-Qalam.  
Ruzman Md. Noor. 2008. Kesaksian dalam konteks undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah di Malaysia: analisis dari perspektif mazhab Syafi'i. *Seminar Jabatan Fiqh 22-23 Ogos 2017*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.  
al-Sharbīnī, Shams al-Din Muhammad bin Muhammad. 2009. *Mughni al-Muhtāj 'la Ma'rifaṭ al-Alfāz al-Minhāj*. Dimashq: Dār al-Fayḥā'.  
al-Shaṭīri, Ahmad bin 'Umar. 2014. *al-Yāqūt al-Nāfis fī Madhhab Ibn Idris*. Beirut: Dār al-Minhāj.  
al-Wizārah al-Awqaf wa al-Shu'un al-Islāmiyyah al-Kuwaīṭ. 2004. *al-Mawsu'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaīṭiyyah*. Kuwait: Wizarah al-Awqaf wa Shu'un Islamiyyah.  
al-Zuhayli, Wahbah Mustafa. 2008. *al-Fiqh al-Islāmiyy wa 'Adilatuh*. Dimashq: Dar al-Fikr.  
al-Zuhayli, Wahbah Mustafa. 2004. *al-Qawā'id al-Fiqhiyyah 'ala Madhhab al-Hanafī wa al-Shāfi'iyyah*. Kuwait: Jāmi'ah al-Kuwayt

Pelajar Sarjana,  
Pusat Fiqh Kontemporari dan Pematuhan Syariah,  
Fakulti Pengajian Islam,  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600 Bangi, Selangor,  
MALAYSIA.

Noor Lizza Mohamed Said  
*lizza@ukm.edu.my*  
Pusat Fiqh Kontemporari dan Pematuhan Syariah,  
Fakulti Pengajian Islam,  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600 Bangi, Selangor,  
MALAYSIA.



**KANDUNGAN / CONTENTS**

<b>Hukum Penggunaan Plasenta Haiwan dalam Produk Kecantikan di Malaysia</b> <i>The Legal Status on the Use of Animal Placenta in Beauty Products in Malaysia</i> Siti Maryam Abdullah, Che Maryam Ahmad	1-10
<b>Teknik Dakwaan Melampau dalam Pemasaran Produk Pengguna Menurut Perspektif Hukum Islam</b> <i>Overclaim Technique in the Marketing of Consumer Product According to Islamic Ruling Perspective</i> Mohd Anuar Ramli, Mohammad Naqib Hamdan, Muhammad Izzul Syahmi Zulkepli	11-19
<b>Keperluan Saksi dalam Permohonan Pengesahan Kes Hibah di Mahkamah Syariah</b> <i>The Necessity of Witness in Hibah Application in Sharia Court</i> Amirul Adli, Noor Lizza Mohamed Said	20-27
<b>Analisis Hukum Penggunaan Dana Zakat untuk Pembangunan Model Takaful Mikro</b> <i>An Analysis on the Ruling of Using Zakat Fund for the Development of Micro Takaful Model</i> Nik Abdul Rahim Bin Nik Abdul Ghani, Nurul Ilyana Muhd Adnan, Ahmad Dahlan Salleh, Salmy Edawati Yaacob, Rubayah Yakob, Hendon Redzuan	28-36

Journal of Contemporary Islamic Law  
(2018) Vol. 3(2)

**Editor-In-Chief**

Dr. Mohd Al Adib Samuri

**Co-Editor**

Assoc. Prof. Dr. Salmy Edawati Yaacob

**Secretary**

Dr. Nurul Ilyana Muhd Adnan

**Senior Editors**

Prof. Dr. Abdul Basir Mohamad  
Prof. Dr. Mohd Nasran Mohamad  
Assoc. Prof. Dr. Shofian Ahmad  
Assoc. Prof. Dr. Zaini Nasohah  
Assoc. Prof. Dr. Ibnor Azli Ibrahim  
Assoc. Prof. Dr. Zuliza Mohd Kusrin

**Chief Managing Editor**

Dr. Mat Noor Mat Zain

**Arabic Copy Editor**

Anwar Fakhri Omar

**Bahasa Copy Editor**

Dr. Mohd Zamro Muda  
Md. Yazid Ahmad

**Editor**

Dr. Mohammad Zaini Yahaya  
Dr. Nik Abd. Rahim Nik Abdul Ghani  
Dr. Azlin Alisa Ahmad  
Mohd Hafiz Safiai

**Published by:**

Centre for Contemporary Fiqh and Sharia  
Compliance,  
Faculty of Islamic Studies,  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

**Suggested citation style:**

Author, (2018), Title, Journal of Contemporary  
Islamic Law, 3(2), pages, <http://www.ukm.my/jcil>

eISSN 0127-788X

**Copyrights:**

This work is licensed under a Creative Commons  
Attribution-Noncommercial-No Derivative Works  
3.0 Unported License  
(<http://creativecommons.org/licenses/by-nc-nd/3.0/>). You can download an electronic version  
online. You are free to copy, distribute and transmit  
the work under the following conditions:  
Attribution – you must attribute the work in the  
manner specified by the author or licensor (but not  
in any way that suggests that they endorse you or  
your use of the work); Noncommercial – you may  
not use this work for commercial purposes; No  
Derivate Works – you may not alter, transform, or  
build upon this work.